

HARI : AHAD
TARIKH : 29/9/2019
M/SURAT : 2

Terpaksa menyamar

Kuala Lumpur: Peniaga barang tiruan di sebuah premis di Bukit Bintang, di sini, terperangkap selepas beberapa lelaki disangkakan pelanggan sebenarnya pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Difahamkan, tindakan pegawai KPDNHEP melakukan penyamaran berikutan kawasan itu dikawal ketat 'tonto' yang sering memantau pergerakan pihak berkuasa.

Susulan serbuan mengejut pada jam 3.40 petang kelmarin, KPDNHEP Kuala Lumpur merampas 59 beg, 283 kasut, 25 dompet, 84 minyak wangi dan enam cermin mata kerana melanggar Akta Perihal Dagangan 2011.